

KERTAS KERJA

HUKUM AMALAN MEMBAWA BUNGA KETIKA MENZIARAHI KUBUR

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Amalan menabur bunga selepas upacara pengebumian mayat merupakan adat kebiasaan dalam masyarakat melayu khususnya selepas mayat dikebumikan. Amalan ini dilakukan sebagai tanda kasih sayang dan penghormatan terakhir kepada si mati selain diiringi doa.
- 1.2 Walau bagaimanapun sejak akhir-akhir ini, amalan membawa (kalungan serta jambangan bunga) dan menabur bunga ketika menziarahi kubur dilihat semakin menjadi *trend* dalam masyarakat Islam khususnya ketika menziarahi kubur pada pagi Hari Raya. Justeru itu timbul persoalan sama ada amalan ini boleh dilakukan atau tidak kerana perbuatan ini dikatakan ada kesamaannya dengan adat dan upacara pengebumian dalam agama Kristian, Buddha dan Hindu.
- 1.3 Dalam agama-agama lain seperti Kristian, Buddha dan Hindu, amalan membawa bunga ke kubur adalah adat dan salah satu upacara pengkebumian dan persembahan. Mereka membawa bunga dalam pelbagai bentuk dan cara seperti jambangan, kalungan dan sebagainya. Masyarakat Kristian, kebiasaan semasa menziarahi kubur, mereka akan membawa kalungan dan jambangan bunga sebagai tanda ingatan dan kasih sayang kepada kaum keluarga dan kawan-kawan yang telah meninggal dunia. Manakala dalam masyarakat Hindu, salah satu adat ketika upacara pengkebumian ialah dengan meletakkan bunga di atas mayat sebelum dibakar. Manakala mengikut ugama Buddha amalan biasa ketika upacara dan istiadat pengkebumian adalah persembahan bunga-bunga, pembakaran colok dan lilin. Ia dianggap sebagai satu simbol dalam upacara kematian.
- 1.4 Bagi menentukan hukum amalan ini, ia memerlukan kepada penjelasan dari segi falsafah, tujuan dan matlamat ziarah kubur yang sebenar supaya setiap amalan yang dilakukan akan mendatangkan manfaat kepada mereka yang masih hidup dan yang telah mati.

KERTAS KERJA

2. KEPUTUSAN PANEL KAJIAN SYARIAH

2.1 Panel Kajian Syariah pada mesyuaratnya yang ke 46 pada 19–20 April 2004 mengenai perkara tersebut telah memutuskan seperti berikut:

- 2.1.1 Amalan membawa bunga secara sederhana dengan niat mewangikan kawasan kuburan adalah diharuskan; dan
- 2.1.2 Amalan membawa kalungan atau jambangan bunga semasa menziarahi kubur adalah dilarang kerana:
 - i. Mempunyai unsur persamaan dengan amalan dan ajaran agama lain.
 - ii. Pembaziran yang nyata.

3. HUUJAH DAN DALIL

3.1 Galakan Dan Hukum Menziarahi Kubur

3.1.1 Pada zaman permulaan Islam berkembang, Rasulullah s.a.w melarang umat Islam menziarahi kubur. Larangan ini disebabkan kekhuatiran terhadap timbulnya kepercayaan lama mereka kepada berhala atau sebarang lambang keberhalaan. Tetapi kemudiannya, Baginda s.a.w. telah memansuhkan larangan tersebut kerana iman dan keyakinan umat Islam terhadap Islam telah mantap, sebagaimana sabdaNya :

عن انس رضي الله عنه قال , قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : كنت نهيتكم عن زيارة القبور , فزوروها وزاد ابو داود والنسائي فانها تذكر الاخرة

Maksudnya: “ Dahulu aku telah melarang kamu daripada menziarahi kubur, maka sekarang ziarahlah kubur kerana yang demikian itu dapat mengingatkan kamu akan hari akhirat.” (Riwayat al-Bukhari)

Ziarah kubur merupakan perkara yang disyariatkan oleh Islam dengan tujuan untuk melembutkan hati, mengingatkan akhirat, mengenang jasa, menghargai dan menghormati si mati atau kelebihanannya di sisi Allah S.W.T Oleh itu, seseorang yang ingin menziarahi kubur hendaklah berniat yang benar dan ikhlas kerana Allah S.W.T semata-mata.

KERTAS KERJA

3.2 Mengkiaskan Amalan Membawa Bunga ke Kubur Dengan Perbuatan Rasulullah s.a.w

3.2.1 Tidak ada dalil yang jelas menunjukkan bahawa harus atau haram membawa bunga semasa menziarahi kubur. Walau bagaimanapun terdapat amalan yang mengharuskannya yang boleh dikiaskan dengan beberapa amalan yang pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dan antaranya adalah seperti berikut;

i. Meletak atau mencacakkan pelepah tamar segar di atas kubur

عن ابن عباس رضي الله عنهما عن النبي صلى الله عليه وسلم انه مر بقبرين يعذبان فقال : انهما ليعذبان ، وما يعذبان في كبير : أما أحدهما فكان لا يستتر من البول ، وأما الآخر فكان يمشي بالنميمة . ثم أخذ جريدة رطبة فشققها بنصفين، ثم غرز في كل قبر واحدة فقال : لعله أن يخفف عنهما ما لم ييبسا

Maksudnya: "Daripada Ibnu Abbas katanya : Semasa Rasulullah s.a.w. sedang berjalan di tepi dua kubur (yang baru ditanam), Baginda menyatakan bahawa kedua-dua si mati itu sedang disiksa, yang seorang kerana dosanya selalu dia tidak bersuci sesudah ia membuang air kecil dan seorang lagi kerana dia selalu mengumpat. Lalu Baginda mengambil sebatang pelepah kurma yang masih hijau dan membelahnya dua belahan, lalu dicacakkan diatas setiap kubur itu satu cacak, sambil Baginda bersabda : Mudah-mudahan dapat meringankan azab kedua-dua si mati selagi pelepah itu masih basah."
(Riwayat Muslim)

ii. Merenjis air dan meletak batu kerikil di atas kubur

وعن جعفر بن محمد عن ابيه ان رسول الله صلى الله عليه وسلم رش على قبر ابنه ابراهيم، ووضع عليه حصباء

KERTAS KERJA

Maksudnya : *“Dan dari Ja’far bin Muhammad dari ayahnya bahawa Rasulullah s.a.w memercikkan air di atas kubur anaknya-Ibrahim, dan diletakkan batu-batu kecil di atasnya”.*

Meskipun menaburkan bunga di atas kuburan tidak ada dalil yang jelas, namun ada kesamaan dengan perbuatan Rasulullah s.a.w tersebut. Amalan dan perbuatan yang dilakukan semasa menziarahi kubur seperti menabur batu-batu kecil, mencacak di atasnya ranting-ranting pokok yang masih hijau dan sebagainya adalah disunatkan dalam Islam. Tujuannya agar tumbuh-tumbuhan yang segar tersebut selama belum kering akan mengucapkan tasbih, mendoakan keberkatan dan kesejahteraan penghuni kubur. Ini berdasarkan kerana selagi tumbuh-tumbuhan masih hijau dan belum kering, ia akan sentiasa bertasbih dan tasbihnya itu membawa rahmat kepada si mati.

Malaikat sukakan bau-bau harum, jika ada kubur itu daun-daun atau bunga-bunga yang wangi, malaikat akan mendatangi kubur berkenaan, maka penghuni kubur akan mendapat berkat daripada malaikat-malaikat itu.

3.3 Kaitan amalan membawa bunga ke kubur sebagai amalan bid'ah

3.3.1 Terdapat ulama membahagi-bahagikan Bid'ah kepada Bid'ah hasanah (baik) dan Bid'ah sai'ah (jahat), dan ada beberapa ulama yang membahagikannya kepada lima bahagian, menurut pembahagian hukum syarak iaitu Bid'ah wajib, Bid'ah sunat (mustahab), Bid'ah makruh, Bid'ah haram dan Bid'ah Harus(mubaah).

3.3.2 Sesungguhnya hakikat Bid'ah ialah perkara yang tidak ada dalil ke atasnya dalil syariah, tidak ada dalil dari teks (sumber) syariah dan tidak ada kaedah-kaedahnya (peraturan) yang ditunjukkan, kerana jika di sana terdapatnya dalil yang diperlukan atau tanda-tanda (bekas) atau toleransi mengenai apa yang dikatakan di sana sebagai bid'ah, maka amalan itu adalah di dalam lingkungan umum atau bebas memilih darinya.

KERTAS KERJA

3.3.3 Perkara bid'ah tidak dianggap sesat selagi sesuatu amalan itu tidak bertentangan dengan dasar-dasar dan akidah Islam. Bid'ah sesat itu ialah perkara-perkara yang menyalahi maksud kandungan kitab Allah S.W.T, sunnah Rasulullah s.a.w kesian dan tingkahlaku para sahabat nabi dan ijmak ulamak.

Hadis Saidatina Aisyah r.a katanya : Rasulullah bersabda:

عن عائشة قالت قال رسول الله صلى الله عليه وسلم من أحدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو رد

Maksudnya: “Sesiapa yang mengadakan sesuatu dalam urusan agama yang tidak terdapat dalam agama maka dengan sendirinya ia akan tertolak.”

4. KESIMPULAN

5.1 Berdasarkan kepada huraian di atas, amalan membawa bunga semasa menziarahi kubur bukanlah satu larangan dalam Islam dengan syarat ia tidak mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Mempunyai unsur-unsur syirik atau kufur kepada Allah S.W.T.
- ii. Mempunyai unsur-unsur, tujuan dan maksud yang menyamai dengan amalan atau upacara keagamaan lain seperti membawa bunga untuk persembahan dan dijadikan sebagai salah satu acara wajib dalam upacara pengkebumian. Sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w;

من تشبه بقوم فهو منهم

Maksudnya:“Sesiapa yang melakukan sesuatu perbuatan yang menyerupai suatu kaum, maka dia adalah termasuk dalam golongan mereka.”

- iii. Pembaziran yang nyata sekiranya bunga yang dibawa terlalu mahal harganya, sedangkan wang pembelian bunga boleh digunakan untuk

KERTAS KERJA

memberi sedekah atau amalan jariah yang memberi pahala kekal kepada si mati. Ini kerana amalan membawa bunga ke kubur adalah adat semata-mata dan bukan kewajipan yang dituntut oleh syarak, Firman Allah :

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya*”.
(Surah al-Isra' : 27)

- iv. Tidak termasuk dalam bid'ah dhalalah sepertimana yang telah digariskan oleh para ulamak.

Umat Islam digalakkan memenuhi saat berziarah itu dengan berbuat kebajikan terhadap yang telah mati, dengan rasa kasih, serta mendoakan untuknya, agar Allah S.W.T mengampuni dosanya dan menempatkannya di sisi Allah S.W.T.

- 5.2 Keputusan Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia bersetuju membuat keputusan seperti berikut :

"Amalan membawa bunga ketika menziarahi kubur adalah tidak digalakkan dari perspektif agama."

5.3 KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA FATWA NEGERI SARAWAK

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak yang bersidang pada 11 Ogos 2008 mengambil keputusan bahawa hukum amalan membawa bunga ketika menziarahi kubur seperti berikut:

- a. Amalan membawa bunga secara sederhana dengan niat mewangikan kawasan kuburan adalah diharuskan; dan
- b. Amalan membawa kalungan atau jambangan bunga semasa menziarahi kubur adalah dilarang kerana:
 - i) Mempunyai unsur persamaan dengan amalan dan ajaran agama lain.
 - ii) Pembaziran yang nyata.